

KONTROVERSI 1MDB

Mana duit 1MDB?

Sinar
Harian
- 14/3/2015



TUAN BUQHAIHRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

SHAH ALAM - Tun Dr Mahathir Mohamad mengkritik kerajaan berhubung isu 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) yang menurutnya, menimbulkan pelbagai persoalan

Daian kenyataan menerusi biografinya, chedetec yang dipaparkan semalam, bekas perdana menteri itu antara lain mempersoalkan ke mana wang syarikat pdaburan miik kerajaan itu dibdandjakan.

Bdiaururmenyatakan periuirya pasukan forensik pois menjaiankan siasatan terhadap pengurusan syarikat itu

ini kata Dr Mahathir kerana isu 1MDB bukan hutang biasa yang pernah dibuat oleh kerajaan berjumlah ringgatusan juta.

"1MDB telah hutang berbilion ringgit Walaupun 1MDB bukan kerajaan tetapi ia adalah badan yang ditubuh dan dimiliki oleh kerajaan sepenuhnya dengan modal sebanyak RM1 juta

Ada juga jaminan oleh kerajaan terhadap beberapa hutang 1MDB. Oleh itu, kerajaan tidak boleh dakwa bahawa ini masalah syarikat dan bukan masalah kerajaan. Kerajaan sudah mdantik Auditor General untuk memeriksa akaun 1MDB. Tetapi ini tidak akan menjawab banyak soalan yang telah dikemukakan dan dibincang oleh rakyat," tegasnya.

Menurut Dr Mahathir lagi, apa yang diperiukan bukan audit biasa buku akaun tetapi siasatan (orensik oleh polis akan tuduhan yang dibuat terhadap beberapa orang yang terlibat dengan pengurusan wang 1MDB.

Tika ini tidak dibuat secepat mungkin sokongan rakyat yang sudah pun merosot dalam PRU 2008, 2013 akan meiosot lagi! Besar kemungkinan BN akan kalah pada 2018, walaupun ketua-ketua Umno sokong dan terima dengan puas hati penerangan yang

dibuat. Ingatlah undi orang Umno sahaja tidak cukup untuk menang pilihan raya," katanya.

Ikuti kenyataan penuh Dr Mahathir:

Umno telah mengadakan majlis penerangan tertutup yang dihadiri oleh sebahagian dari ketua bahagian pada 8 Mac. Keputusan majlis mengikut akhbar ialah mehyokong penuh Presiden parti.

Tidak diketahui tentang penjelasan oleh presiden berkenaan kontroversi 1MDB, yang sedang dibincang dengan meluas oleh rakyat Bahawa periora ini dibawa oleh parti lawan, justimi itu ia adalah Stnah belaka tidak mencukupi untuk rakyat menolak tuduhan-tuduhan berkenaan 1MDB.

Rakyat masih tidak puas hati berkenaan 1MDB. Mereka bincang perkara ini di mana sahaja. Jika mereka tidak puas hati dan tidak sokong BN dalam PRU akan datang, BN mungkin kalah Dan jika BN ditolak, sokongan kepada Presiden oleh pemimpin bahagian UMNO tidak lagi bermakna.

1MDB bukan buat hutang biasa seperti kerajaan yang biasanya bermula hanya ratusan juta sahaja. 1MDB telah hutang beAilion ringgit Walaupun 1MDB bukan kerajaan tetapi ia adalah badan yang ditubuh dan dimiliki oleh kerajaan sepenuhnya dengan modal sebanyak 1 juta ringgit Ada juga jaminan oleh kerajaan terKadap beberapa hutang 1MDR Oleh itu kerajaan tidak boleh dakwa bahawa ini masalah syarikat dan bukan masalah Kerajaan.

Kerajaan sudah melantik Auditor General untuk memeriksa akaun 1MDB. Tetapi ini tidak akan menjawab banyak soalan yang telah dikemukakan dan dibincang oleh rakyat

Dakwaan-dakwaannya yang telah dibuat terhadap 1MDB bukan bertukar tuduhan melalui la disertai dengan fakta yang jelas, iaitu jumlah hutang, siapa yang mengurus, siapa yang menerima wang berbilion ringgit, peburu yang dibuat, dimanawangini Jisimpaa dalam bentuk apa.

Nama Jho Low disebut berkali-kali. Demikian juga nama-nama syarikat miliknya. Tuduhan dibuat berkenaan dengan pembelian rumah mewah olehnya di London, New

York dan Hollywood. Lepas itu rumah dijual kepada anak tiri Perdana Menteri dengan harga ratusan juta ringgit. Sudah tentu ini tidak disebut dalam akaun 1MDB yang akan diperiksa oleh AG.

Pada mulanya duit Riza Aziz dikatakan warisan harta kekayaan dari keluarga Tun Razak. Kemudian dakwaan ini dinafi. Soalnya jika tidak dari keluarga Tun Razak dari mana datang wang yang banyak inL. Apakah ianya hasil dari perniagaan? Jika ya, apa perniagaan, di mana? Sudahkah cukai pendapatan dibayar? Kepada Kerajaan mana?

Pdaburan ratusan juta untuk 6-lem "The Wolf of Wall Street" oleh Riza Aziz, anak tiri Datuk Seri Najib (Tun Razak) datang dari mana? Rlem ini tidak memberi keuntungan. Tidak mungkin lilem ini membiayai rumah mewah yang dibdi dengan ratusan juta ringgit atau Dolar Amerika.

Semua perkara-perkara ini tidak akan terdapat dalam akaun 1MDB. Tetapi rakyat ingin tahu kerana melibatkan Jho Low. Dan Jho Low disebut-sebut berkenaan dengan pengurusan ASS700 juta dari 1MDB.

Ada yang disebut berkenaan Petro Saudi yang juga menerima bayaran ratisan jutadolar dari 1MDB Benarkah Petro Saudi ini mendapat konsesi kawasan minyak dan gas di Argentina, di Turkmenistan dll. Apa buktinya? Benarkah IV dibuat dengan Petro Saudi sebdum 'due diligence' dibuat Katanyase mentera 1MDB melabur ASS1 billion dalam IV dengan Petro Saudi, tetapi Petro Saudi tidak melabur satu sen pun. Apa jadi kepada wang 1MDB dalam IV tidak jdas.

Apa sebabnya lebih dari 6 bilion ringgit (Dollar) disimpan di Cayman Island? Kerajaan tidak pernah simpan duit di lain negara selain pembelian bond. Apakah bond dibdi? Apa hasilnya?

Katanya wang sebanyak ASS1 billion sudah dibawa balik dari Cayman dan disimpan dalam bank Singapura. Kononnya Bank Negara menjadi masalah kerana proses menyimpan wang yang banyak mesti melalui proses yang rumit Boiehkan Bank Negara jelas kenapa menimbulkan masalah sedangkan 1MDB adalah syarikat Kerajaan yang dikuasai oleh Kementerian Kewangan Jika mudah di Singapura kenapa susah sanpdi Malaysia?

Urusan Kerajaan pemahdirahsia.

Tetapi soal bayar balik hutang adalah public knowledge (dalam pengetahuan orang ramai). Orang ramai ingin tahu benarkah Ananda Krishnan memberi pinjaman RM2 bilion untuk bayar laedah itu. Apakah laedah yang dikenakan oleh Ananda? Apa cara bayaran balik hutang Ananda? 1MDB dikatakan untung. Kenapa tidak dapat bayar foedah 2 bOion ringgit.

Juga diketahui umum ialah permohonan hutang sebanyak 3 bUion dari Kerajaan baru-baru inL. Apakah Kabinet mduluspinjaman yang begitu besar ini? Apakah sjwat yang dikenakan? Bagaimanakah hutang ini akan dibayar balik oleh 1MDB

Tanah Kerajaan di Jalan Tun Razak dan Lapangan Terbang Sun 'i Besi telah dibeli oleh 1MDB. Apakah harga yang dibayar? Apakah tanah ini yang dikatakan aset 1MDB? Bagaimanakah dinilai haiga tanah ini? Kerajaan berhak mendapat pulangan yang setimpal apabila tanah ini dijual kepada sesiapa pun Berapakah harga satu kaki persegi. Tanah betdekatan dijual dengan harga RM7000/- satu kaki persegi. 1MDB juga membd tanah di Pulau Pinang. Apa haiganya. Apa jenis pembangunan yang dicadangkan Sudah dimuiaakah?

jika tanah-tanah ini menjadi aset 1MDB, apakah nilai tinggi aset ini disebabkan kenaikan (revaluation) dari haiga belian yang murah dan harga pasaran yang tinggl.

1MDB meminjam lebih dari 10 bilion ringgit untuk beli beberapa stesen janakuasa. Haigayang dibayardi katakan lebih tinggi dari harga pasaran Lesen stesen-stesen ini akan mati tidak lama lagi. Kenapa tidak tunggu hrngga lesen mati sebdum membdL. Harga selepas mati lesen tentu amat rendah. Membd dengan harga tinggi sebdum lesen mati amat meugikan.

Wang untuk membd stesen janakuasadi pinjaman. Laporan menunjukkan komisen sebanyak 10% dari 10% dibayar kepada Goldman Sachs untuk mengurus penjualan bond

jika komisen 10%, 1MDB akan dapat hanya 90% dari jumlah yang dihutang. Tetapi taedah perlu di bayar keatas IOOT jumlah hutang. Ini menghairankan!

Biasanya hutang yang dijamin oleh Kerajaan dikaikan laedah 3%. Hutang yang diurus oleh Goldman Sachs dikenakan laedah sebanyak 5.9%

Jumlah hutang sudah meningkat kepada 42 bilion ringgit. Paedah ke atas jumlah ini, jika hanya 5% pun akan bepumlah 26 bilion ringgit setahun Ini adalah satu jumlah yang amat besar

Sebaliknya jumlah keuntungan dari pelaburan dalam stesen janakuasa tidak akan mencukupi untuk membayar taedah inL. Demiaan juga pdaburan untuk bdi tanah di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang tidak akan beri apa-apa pulangan sebelum di banguna taudijual.

Sesungguhnya 1MDB menimbulkan banyak soalan tentang pengurusan dan kegunaannya. Dan jumlahnya juga amat besar Rakyat beibak merasa curiga akan cara dan kegunaan wang mereka yang banyak inL.

Ulasan bahawa semua tuduhan adalah fitnah tidak mencukupi. Mereka yang mendakwa bahawa ada penyelewengan dalam pengurusan 1MDB berani membuat kenyataan teriadap Kerajaan dan individu-individu tertentu walaupun terdedah kepada tindakan saman malu Tetapi mereka mendakwa mereka memiliki bukti-bukti yang jdas seperti email, surat perjanjian dan bukti-bukti lain Tarikh dan nama-nama diberi tanpa bersembunyi Pembongkarkan tuduhan mereka!

Sehingga kini Kerajaan tidak menjawab secara yang masuk akal. Umpamanya 1MDB tidak punya masalah kerana asetnya lebih dari hutang. Tetapi hanya untuk bayar taedah 2 bilion, tidak ada wang sehingga tidak dapat tutup akaun ikut jadual. Kemungkinan terpaksa hutang unttuk bayar laedah.

Sejak Arul Kanda Kandasamy mengmbil jawatan CEO, banyaklah kenyataannya yang tidak munasabah yang dibuat. Kononnya wang di Cayman sudah dibawa balik, Kemudian wang ini tidak boleh dibawa balik. Kemudian sudah dibawa balik tetapi disimpan di Singapura.

Yang diperlukan bukan audit biasa buku akaun. Yang diperlukan ialah siasatan forensik oleh polis akan tuduhan yang dibuat terhadap beberapa orang yang terlibat dengan pengurusan wang 1MDB.

Jika ini tidak dibuat dan dibuat secepat mungkin, sokongan rakyat yang sudah pun merosot dalam PRU 2008, 2013 akan merosot lagi. Besar kemungkinan BN akan kalah pada 2018, walaupun ketua-ketua Umno sokong dan terima dengan puas hati perengangan yang dibuat. Ingadiahundi orang Umno sahaja tidak cukup untuk menang pilihan raya.